

04 AUG, 2024

TEKAD CAPAI SASARAN PUNGUTAN RM53.5B

Metro Ahad, Malaysia



Page 1 of 2

DATUK Anis Rizana Mohd Zainudin melakar sejarah menjadi wanita pertama mengetuai Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) apabila dilantik memegang jawatan sebagai Ketua Pengarah pada 25 September tahun lalu.

Beliau sebelum ini Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Pelaburan) Kementerian Kewangan dilantik ke jawatan tertinggi itu menggantikan Datuk Zazuli Johan yang menamatkan perkhidmatan.

Biarpun baru dua minggu memulakan perkhidmatan, beliau berdepan isu yang mencalar 'maruah' jabatan itu apabila lebih 600 kilogram dadah jenis methamphetamine disembunyikan pada bungkusan tisu di dalam kargo laut dari Malaysia dirampas Pasukan Polis Sempadan Australia.

Dalam wawancara selama hampir sejam, beliau berkongsi cabaran dan komitmennya kepada wartawan **RAJA NORAINA RAJA RAHIM** dan **MUHAAMAD HAFIS NAWAWI**, jurugambar **AIZUDDIN SAAD** serta juruvideo **SHAHARUL REDZUAN ZULKIFLI** untuk Kafe Ahad minggu ini.

Selepas dilantik memimpin JKDM, apakah cabaran dan langkah penambahbaikan jabatan yang diambil?

JKDM menggalas amanah dan tanggungjawab yang besar dalam pembangunan ekonomi dan keselamatan negara. JKDM adalah agensi pemungut cukai tidak langsung yang amat penting untuk keseimbangan fiskal negara.

Justeru, cabaran pertama saya ialah memastikan sasaran pungutan hasil yang ditetapkan iaitu sebanyak RM53.5 bilion bagi tahun 2023 dapat dicapai.

Selain daripada itu, JKDM juga berperanan memberikan fasilitasi perdagangan dan mengawal sempadan negara. Cabaran di sini ialah untuk mencapai titik keseimbangan antara memberi kemudahan perdagangan dengan aspek keselamatan negara tanpa menjejaskan rantaian bekalan global selaras dengan *World Customs Organization (WCO) SAFE Framework of Standards to Secure and Facilitate Global Trade*.

JKDM perlu memastikan pelepasan dagangan rentas sempadan dibuat dengan cekap dan dalam masa yang sama tidak berkompromi dalam aspek keselamatan sempadan.

Oleh itu, JKDM mesti cekap mengendalikan jumlah dagangan merentasi sempadan yang meningkat dengan pesat

CABARAN KETUA PENGARAH WANITA PERTAMA JKDM

TEKAD CAPAI SASARAN PUNGUTAN RM53.5B



ANIS Rizana dilantik memegang jawatan sebagai Ketua Pengarah JKDM pada 25 September tahun lalu.

dan trend perdagangan atas talian yang menjadi trend di seluruh dunia.

Perjalanan sesebuah jabatan dalam memacu kejayaan adalah bertitik tolak dari pelan strategik jangka masa pendek atau panjang dengan tujuan agar setiap tindakan dapat mencapai objektif serta *outcome* yang ditetapkan.

Seperti mana JKDM, Pelan Tindakan Strategik (PTS) jabatan bagi tahun 2020 – 2024 masih lagi saya teruskan dalam melaksanakan peranan yang dipertanggungjawabkan serta menangani isu kritikal dan cabaran yang akan dihadapi dan merealisasikan visi dan misi yang ditetapkan.

Selain daripada itu, saya juga ingin menegaskan bahawa daripada perspektif Kastam, aspek keselamatan tidak terbatas kepada aspek ancaman subversif seperti penyeludupan senjata api serta senjata merbahaya termasuk senjata kimia dan biologi sahaja. Sebaliknya ia merangkumi aspek yang lebih luas iaitu aspek keselamatan hasil duti dan cukai, keselamatan sosial seperti dadah, bahan-bahan terlarang lain termasuk produk farmasi serta bahan-bahan kecantikan dan keselamatan khazanah negara.

Waktu saya dilantik sebagai Ketua Pengarah Kastam pada 25 September 2023, kecekapan dan integriti JKDM boleh ditambah baik lagi. Isu penyeludupan dadah ke Australia, penyeludupan haiwan eksotik seperti ular dan kura-kura ke India, mesin pengimbas yang

tidak berfungsi, isu banjiriran rokok tidak sah di pasaran, kesesakan di Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) Bangunan Sultan Iskandar, Johor Bahru adalah antara isu yang menyebabkan imej JKDM terjejas. Isu ini dibangkitkan oleh pelbagai pihak dan JKDM dikritik oleh netizen dalam platform media sosial.

Dengan kata lain kedua-dua pemegang taruh JKDM iaitu kerajaan dan rakyat ingin melihat penyampaian perkhidmatan JKDM yang lebih efisien.

Bagaimana Datuk melihat cabaran di dalam kastam itu dan menangannya secara holistik dengan merangka dan melaksanakan tindakan penambahbaikan?

Bagi mengukuhkan struktur organisasi, saya membuat lima kali pusingan kerja bagi memenuhi keperluan kepakaran dan kemahiran setiap bahagian. Kitaran kerja ini membabitkan setiap lapisan pegawai daripada Timbalan Ketua Pengarah Kastam sehingga kepada pegawai pelaksana.

Langkah ini sangat penting bagi mencapai keseimbangan antara bahagian dan memastikan setiap bahagian memiliki kepakaran yang 5 diperlukan supaya fungsi masing-masing dapat dilaksanakan dengan cemerlang.

Satu strategi penting yang digunakan untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pungutan hasil ialah dengan membuat pemeriksaan 100

peratus imbasan kontena eksport bermula 30 November 2023 bagi mengurangkan ketirisan hasil berimpak tinggi yang lebih berkesan.

Arahan mengimbas 100 peratus ini dilaksanakan bermula di Pelabuhan Klang sebagai solusi bagi isu rampasan dadah seberat 622 kilogram oleh pihak berkuasa Australia pada 12 Oktober 2023 yang melalui kargo laut dari Malaysia.

Ini dapat mencegah ketirisan hasil pada peringkat awal, lantas duti serta cukai dapat dipungut dengan tepat dan hasil kerajaan diterima pada waktu yang sepatutnya diterima. Strategi ini juga dapat membantu penggiat industri merangka strategi pemasaran mereka berdasarkan kos yang tepat.

Ini berbeza dengan strategi sebelum ini yang mengesan ketirisan dan mengeluarkan tuntutan selepas dagangan dilepaskan yang menyebabkan kos tambahan ke atas dagangan yang dijual kepada pelanggan.

Langkah penting yang dilaksanakan untuk meningkatkan kemahiran pegawai ialah dengan melanjutkan tempoh kursus asas daripada tiga bulan kepada enam bulan, untuk permulaan adalah bagi jawatan Pembantu Penguasa Kastam Gred WK19 dengan kelayakan kemasukan lepasan SPM yang berusia sekurang-kurangnya 18 tahun pada tarikh temuduga.

Modul kursus juga diperkasakan dengan memasukkan komponen penempatan secara sandangan di tempat kerja supaya peserta

kursus dapat mengaplikasikan apa yang dipelajari dalam bilik kuliah dalam situasi sebenar. Satu lagi program yang amat penting yang akan dilaksanakan dalam masa terdekat ialah kursus dalam *Neuro Linguistic Programming (NLP)* untuk melahirkan pegawai yang memiliki kepakaran mengesan tingkah laku yang mencurigakan melalui gerak badan dan riak wajah.

Bagaimana Datuk melihat prestasi pungutan hasil Kastam bagi tahun 2023 dan tempoh enam bulan tahun ini?

JKDM mencapai kejayaan yang besar melalui pungutan hasil sebanyak RM55.1 bilion pada tahun 2023 iaitu melebihi sasaran RM53.5 bilion dengan lebihan sebanyak RM1.6 bilion atau 3 peratus. Manakala bagi tempoh enam bulan pertama tahun 2024 ini, JKDM berjaya memungut hasil sebanyak RM30.16 bilion berbanding sasaran RM26.5 bilion.

Apakah maksud sebenar Cekap, Tangkas, Integriti (CTI) yang diperkenalkan kepada warga kastam selepas Datuk menerajui JKDM?

Slogan yang saya perkenalkan di JKDM adalah 'Cekap, Tangkas dan Integriti' (CTI). Dalam suasana dunia yang serba mencabar ini, warga JKDM tiada pilihan kecuali menjana dan menerajui perubahan.


Kita tidak boleh berterusan berada dalam lingkungan *comfort zone* dan *complacent*. Sebaliknya, warga perlu bergerak maju ke hadapan dengan lebih Cekap, Tangkas dan Berintegriti bagi memberikan perkhidmatan yang berkualiti tinggi serta berpegang teguh kepada prinsip tadbir urus dan tata kelola yang baik.

Selain itu, seseorang pegawai hendaklah cekap dan berusaha bersungguh sungguh (tidak sambil lewa) dalam menjalankan tugas dengan tekun dan sepenuh hati.

Elemen Tangkas pula merangkumi pantas, dinamik dan *agility @ nimble*. Dalam konteks ini ia mencerminkan kemampuan untuk bergerak dengan pantas dan lancar, serta bersedia untuk beradaptasi dengan perubahan.

Seorang pegawai JKDM hendaklah tangkas dalam menjalankan tugas dan amanah serta berpengetahuan dengan tidak hanya merujuk kepada 9 Akta utama yang ditadbir oleh Jabatan, malah pegawai juga mahir dalam 67 Akta agensi lain yang ditadbir oleh JKDM serta 102 Perintah dan Peraturan di bawah tadbiran JKDM.

Integriti yang dimaksudkan ialah melaksanakan tugas dengan penuh tanggungjawab, beretika dan menjauhi amalan rasuah. Ia ditafsirkan sebagai lakukan perkara yang betul walaupun ketika tiada sesiapa yang melihat.



04 AUG, 2024

TEKAD CAPAI SASARAN PUNGUTAN RM53.5B

Metro Ahad, Malaysia



SUMMARIES

DATUK Anis Rizana Mohd Zainudin melakar sejarah menjadi wanita pertama mengetuai Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) apabila dilantik memegang jawatan sebagai Ketua Pengarah pada 25 September tahun lalu. Beliau sebelum ini Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Pelaburan) Kementerian Kewangan dilantik ke jawatan tertinggi itu menggantikan Datuk Zazuli Johan yang menamatkan perkhidmatan.